# DARI SUNGAI BURUNG KE BUKIT MEGAWATI

## PERJALANAN POLITIK DR. MOHAMAD KHIR TOYO



3.2595
CHA

**CHAMIL WARIYA**

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Datuk Seri Dr. Mohamad Khir Toyo menyertai politik bukan untuk mencari kedudukan, tetapi untuk menawarkan khidmat dan bakti kepada negara yang telah mengubah kehidupannya daripada seorang anak pesawah miskin dari Sungai Burung, Tanjong Karang kepada seorang doktor gigi, lulusan Universiti Malaya.

Kemudian, dalam masa tidak sampai sepuluh tahun, penyertaannya dalam arena politik UMNO telah berjaya mengangkat beliau sebagai Menteri Besar Selangor yang ke-13 Ternyata, dengan adanya keterbukaan sistem sosial dan politik Malaysia yang membenarkan mobiliti warganya dalam masyarakat, Dr Khir berjaya memperbaiki diri dan keluarganya Seterusnya menyumbangkan bakti yang tidak berbelah bahagi kepada warga negeri Selangor khususnya dan negara Malaysia amnya

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

# DARI SUNGAI BURUNG KE BUKIT MEGAWATI

## PERJALANAN POLITIK DR. MOHAMAD KHIR TOYO

Sumbangan

Petroleum Resource Centre

28.12.2010

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

# DARI SUNGAI BURUNG KE BUKIT MEGAWATI

## PERJALANAN POLITIK DR. MOHAMAD KHIR TOYO

CHAMIL WARIYA

* YAYA AN K I MPINAN PERDANA *
NA LI FOUNDATION

TIMES EDITIONS

PUSTAKA PERDANA
1008298

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

# 85683

© 2004 Federal Publications Sdn. Berhad
(General & Reference Publishing)

Diterbitkan kali pertama Ogos 2004
Cetakan semula September 2004

Diterbitkan oleh Times Editions – Marshall Cavendish
Imprin Federal Publications Sdn Berhad
(General & Reference Publishing) (3024-D)
Anak syarikat Times Publishing Limited
Times Subang
Lot 46, Subang Hi-Tech Industrial Park
Batu Tiga, 40000 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel (603) 5635 2191 Faks (603) 5635 2706
E-mel cchong@tpg com my

Pejabat Singapura
Marshall Cavendish International (Asia) Private Limited
Times Centre, 1 New Industrial Road Singapura 536196
Tel (65) 6213 9288 Faks (65) 6285 4871
E-mel te@sg marshallcavendish com
Kedai buku online http /www marshallcavendish com/genref

Semua hak cipta terpelihara Mana-mana bahagian juga tidak dibenarkan diiru, disimpan di dalam sistem pengeluaran semula, atau pun dipancarkan walau melalui sebarang cara sekalipun termasuk kaedah elektronik mekanikal, fotokopi, rakaman atau lain-lain tanpa kebenaran yang empunya hak cipta terlebih dahulu

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Chamil Wariya, Dato' Seri, 1952-
Dari Sungai Burung ke Bukit Megawati Perjalanan Politik Dr Mohamad Khir Toyo / Chamil Wariya
Bibliografi ms
ISBN 983-300-133-5
1 Mohd Khir Toyo, Dato' Seri, 1965- 2 Ministers – Biography – Selangor
3 Politicians – Biography – Selangor 4 Selangor – Politics and government.
I. Judul
923 2595115

Dicetak oleh Percetakan Strikeway Sdn Bhd di Malaysia

923 259
CHA

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

# DEDIKASI

Untuk anak-anakku,
Atikah Hanum, Ahmad Zaki dan Anwar,
serta generasi seangkatan mereka yang akan
melangkah ke alam 2020 sebagai insan dewasa.
Hargailah nikmat lahir di negeri merdeka.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

# Kandungan


Kata Pengantar
Prakata
Penghargaan
Abreviasi

| | | |
|---|---|---|
| 1. | Zaman Kanak-kanak yang Susah | 1 |
| 2. | Ke Menara Gading | 7 |
| 3. | Kekasih Awal dan Akhir | 16 |
| 4. | Perjalanan Politik | 24 |
| 5. | Bulan Jatuh ke Riba | 35 |
| 6 | Menteri Besar  Peranan, Kuasa, dan Fungsi | 51 |
| 7. | Pengalaman Awal Menerajui Selangor | 69 |
| 8. | Agenda Pembangunan | 76 |
| 9. | Pentas Nasional – Menerajui MBM | 94 |
| 10. | Mengemudi Kejayaan 2004 | 110 |

Bibliografi
Biodata Pengarang
Indeks



PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

# Kata Pengantar

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Dato' Chamil Wariya kerana mengambil daya usaha menerbitkan buku tentang Menteri Besar Selangor, Dato' Seri Dr. Mohamad Khir Toyo.

Bagi saya, Dr. Khir ialah seorang pemimpin generasi muda yang memahami dan menguasai isu-isu yang melibatkan kepentingan rakyat biasa. Berasal daripada sebuah keluarga miskin di Tanjong Karang, Selangor, beliau mendaki tangga kuasa tanpa bantuan sesiapa.

Hakikat bahawa beliau merupakan seorang pemimpin yang mempunyai kredibiliti yang kukuh dalam bidang agama dijangka dapat memperbaiki kedudukan politik beliau dalam UMNO.

Walaupun Dr. Khir tidak terlepas daripada tempelakan para pengkritiknya, terutama yang berkaitan dengan isu-isu yang kontroversi seperti kenyataan beliau untuk menjual rumah murah kepada golongan berada dan sebilangan yang lain, beliau pada hakikatnya ialah seorang pemimpin yang mengotakan apa yang telah dijanjikan.

Beliau hampir-hampir merealisasikan ikrar beliau untuk mewujudkan pembangkang sifar pada Pilihan Raya Umum 2004, walaupun ramai pihak menganggapnya sebagai sesuatu yang tidak mungkin.

Jika tidak kerana pertelingkahan dalaman sesama sendiri di kalangan anggota sebilangan parti politik di Selangor, Barisan Nasional sudah menyapu bersih kesemua kerusi yang ditandingi di negeri itu.

Dr. Khir mempunyai 'tugas berat' untuk menguruskan UMNO Selangor kerana terdapat ramai pemimpin senior dan lebih berumur dalam parti itu. Tetapi beliau telah berjaya mengekalkan perpaduan di kalangan ahli UMNO Selangor. Dalam kata lain, Dr. Khir telah berjaya dan memenuhi keperluan tugas-tugas beliau baik sebagai Menteri Besar, Ketua Badan Perhubungan UMNO Selangor mahu pun Pengerusi Barisan Nasional Selangor.



PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Buku Dato' Chamil yang berjudul, *Dari Sungai Burung ke Bukit Megawati – Perjalanan Politik Dr Mohamad Khir Toyo* ini, secara jelas menggambarkan hakikat tersebut. Dr Khir sesungguhnya ialah seorang tokoh muda yang mempunyai masa depan yang cerah dalam politik nasional negara.

Ini adalah benar seandainya beliau berupaya mengatasi 'masalah imej' beliau berkaitan dengan beberapa isu kontroversi yang mengelilingi beliau dan memperbaiki lagi kemahiran beliau dalam berkomunikasi.

Dengan itu, apa juga salah faham mengenai pendirian, kenyataan, dan pengumuman beliau seperti yang berlaku pada masa lalu, dapat dielakkan.

Dato' Wong Chun Wai,
Timbalan Ketua Editor,
Star Publications (M) Berhad,
Petaling Jaya



PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA